

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]

TARIKH : 16 November 2016 (Rabu)

SOALAN : Dato' Hasan bin Arifin minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian mengoptimumkan penggunaan aplikasi geospacial dalam meningkatkan hasil pertanian dan apakah elemen-elemen utama dalam aplikasi ini serta adakah ianya merupakan teknologi terkini yang berdaya saing dengan negara maju.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian (DOA) bertindak sebagai pusat rujukan maklumat geospasial tanah dan gunatanah negara di mana maklumat geospasial ini dikongsi dan diguna oleh pelbagai jabatan/agensi kerajaan dan swasta bagi membuat analisa dan perancangan sesuatu projek khususnya projek pertanian. DOA turut menggunakan maklumat geospasial dari jabatan/agensi kerajaan yang lain bagi melaksanakan pelbagai analisis menggunakan aplikasi GIS (*Geographic Information System*) untuk perancangan projek-projek pertanian. Pembangunan sistem ini adalah berdasarkan standard yang telah ditetapkan di peringkat antarabangsa.

Pihak DOA dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) telah membangunkan aplikasi Sistem Maklumat Geospasial Padi bertujuan membantu agensi pelaksana di peringkat negeri seperti IADA, Jabatan Pertanian Negeri dan Daerah, serta Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk melaksanakan pemantauan aktiviti tanaman padi dengan lebih cepat dan berkesan menggunakan teknologi GIS dan *Remote Sensing*. Aplikasi Geospasial seperti ini berupaya mengesan dan mengumpul maklumat tanaman padi walaupun dalam keadaan cuaca diliputi awan dan hujan serta merangkumi

kawasan yang luas dengan menggunakan satelit RADARSAT. Komponen utama sistem ini ialah pangkalan data tanaman padi yang mengandungi maklumat peta bagi setiap lot padi seperti nombor lot, kelas (padi dan bukan padi), keluasan terkini, hasil dan maklumat pengusaha.

Selain itu, pihak MARDI juga telah menjalankan penyelidikan dalam teknologi geospasial seperti *remote sensing* bagi pengeluaran pertanian. Aplikasi *remote sensing* dalam pertanian yang menggunakan imej yang diperolehi daripada satelit dan pesawat udara tanpa pemandu (UAV) merupakan teknologi terkini yang berdaya saing dengan negara maju.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN : 20

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kerajaan bersetuju dengan cadangan menaikkan kadar Caj Perkhimatan Penumpang dan penyelarasan antara caj tersebut di KLIA dan KLIA 2.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah mengkaji kadar baharu *Passenger Service Charge* (PSC). Berdasarkan kajian tersebut, kenaikan kadar siling PSC tidak memberi kesan negatif kepada pertumbuhan trafik di sesebuah negara seperti di Malaysia, Singapura, Thailand dan Hong Kong. Sejajar dengan kajian tersebut, Kerajaan telah bersetuju dengan kadar baharu PSC untuk dilaksanakan di seluruh lapangan terbang Malaysia termasuklah KLIA dan KLIA2 mulai 1 Januari 2017.

Untuk makluman jua, kadar baharu PSC ini masih terendah berbanding negara-negara serantau yang lain.